



## MAJLIS DAERAH MERSING

### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar di Majlis Daerah Mersing serta memiliki sijil-sijil di bawah **Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** iaitu **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)** oleh CIDB, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** oleh CIDB dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** oleh PKK dalam Gred dan Kategori yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja sebagaimana berikut :-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TENDER DI TUTUP
<b>MD.MG.P/T/04/19</b>  Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Perparitan Dan Lorong Belakang Serta Kerja Berkaitan Di Lorong Belakang Jalan Persiaran Hj. Ariffin, Lorong Hj. Ariffin 6, Dan Lorong Hj. Ariffin 9 Di Taman Hj. Ariffin, Endau, Mersing	<b>RM200.00</b>  (Tidak akan dikembalikan)	Kaunter OSC, Majlis Daerah Mersing, No 1, Jalan Tun Dr Ismail, 86800 Mersing.  <b>19/08/2019</b> <b>Hingga</b> <b>02/09/2019</b>  <b>Masa :</b> <b>8.15 pagi-12.45 tengahari</b> <b>&amp;</b> <b>2.00 petang hingga 3.45</b> <b>petang (kecuali hari</b> <b>khamis tutup pada 3.15</b> <b>petang)</b>	Gred <b>G3</b>  Kategori <b>CE</b>  Pengkhususan <b>CE21, CE01 dan</b> <b>CE34</b>	<b>Isnin,</b> <b>19 Ogos 2019</b> Jam 10.00 pagi  Berkumpul di Pejabat Majlis Daerah Mersing.  <b>Lawatan Tapak</b> <b>adalah WAJIB</b>	<b>Selasa,</b> <b>10/09/2019</b> pada jam 12.00 tengahari  <b>Tender yang lewat</b> <b>diterima tidak akan</b> <b>dilayan</b>

1. Naskah Meja Tender boleh disemak di Kaunter OSC, Pejabat Majlis Daerah Mersing, No.1, Jalan Tun Dr Ismail, 86800 Mersing, Johor pada waktu pejabat bermula **19 Ogos 2019**.
2. Dokumen tender akan dijual mulai **19 Ogos 2019** sehingga **02 September 2019** semasa waktu pejabat di kaunter OSC, Majlis Daerah Mersing, No 1, Jalan Tun Dr Ismail, 86800 Mersing, Johor.
3. Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibuat secara **Draf Bank/Wang Pos/Kiriman Wang** atas nama **Majlis Daerah Mersing** (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
4. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan tapak seperti alamat di atas. **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri lawatan tapak dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan Sijil Asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Pendaftaran Perniagaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera** untuk pengesahan. Sila bawa **Cop Syarikat** bagi melancarkan urusan semasa lawatan tapak dan pembelian borang tender. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik semasa menghadiri lawatan tapak tersebut.
5. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender pada **10 September 2019** sebelum jam **12.00 tengahari** di alamat **Yang Dipertua, Majlis Daerah Mersing, No 1, Jalan Tun Dr Ismail, 86800, Mersing, Johor.**

**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS DAERAH MERSING**  
**NO 1, JALAN TUN DR ISMAIL**  
**86800 MERSING, JOHOR**